



MAJLIS BANDARAYA IPOH  
ARAHAN KEWANGAN BIL. 11/2013

Rujukan : Bil (29) dlm.MBI.B1/12/1/12

Jabatan Kewangan  
Majlis Bandaraya Ipoh

10 September, 2013

Y. Bhg. Dato' Setiausaha Bandaraya  
Timbalan-Timbalan Setiausaha Bandaraya  
Semua Ketua Jabatan / Bahagian / Unit  
Majlis Bandaraya Ipoh

**PEMBATALAN BAYARAN NOTIS E DAN WARAN F**

Dengan hormatnya saya memohon perhatian pihak Y.Bhg. Dato'/tuan/puan kepada perkara di atas.

2. Berhubung dengan perkara ini, dimaklumkan bahawa sejak kebelakangan ini didapati ramai pembayar cukai yang datang untuk memohon pembatalan bayaran Notis E dan Waran F. Pihak Jabatan juga dimaklumkan bahawa **perkara ini telah diwar-warkan oleh anggota Majlis kepada wargakota** yang menyebabkan permohonan pembatalan Notis E dan Waran F ini meningkat dari masa ke semasa yang mana ianya boleh menjejaskan kedudukan kewangan Majlis.

3. Untuk makluman, Notis E dan Waran F ini dikenakan mengikut ketetapan Seksyen 147 (1) dan (2) serta 148 Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) yang dinyatakan seperti berikut:

" ..... mana-mana jumlah wang itu atau mana-mana bahagiannya masih terhutang dan belum dibayar hingga akhir bulan Februari atau hingga akhir bulan Ogos dalam setiap tahun, mengikut mana-mana yang berkenaan, jumlah wang itu hendaklah disifatkan sebagai suatu tunggakan dan boleh dituntut sebagaimana diperuntukkan dalam seksyen 148".

4. Pada dasarnya pihak pengurusan Majlis **tidak membenarkan pembatalan bayaran Notis E dan Waran F** kerana ianya melibatkan kos pentadbiran dan juga kos operasi yang tinggi.

5. Permohonan pembatalan Notis E dan Waran F ini hanya dibenarkan **untuk kes-kes tertentu sahaja** yang melibatkan masalah teknikal di pihak Majlis sendiri seperti contoh **kesilapan cetakan bil yang menyebabkan wargakota tidak menerima bil atau membuat bayaran kepada akaun yang salah** yang menyebabkan pemilik akaun tersebut dikenakan Notis E atau Waran F.

..2/-

## ARAHAN KEWANGAN BIL. 11/2013

### PEMBATALAN BAYARAN NOTIS E DAN WARAN F

6. Kelulusan pembatalan Notis E dan Waran F ini juga **bergantung kepada syarat-syarat** berikut:

- i. Pembayaran penuh keseluruhan tunggakan bil cukai taksiran pada masa permohonan.
- ii. Hanya layak kepada wargakota yang mempunyai rekod bayaran yang bersih "Good Pay Master".
- iii. Permohonan hanya boleh dibuat melalui Borang yang disediakan di Kaunter Unit Hasil, Tingkat 1, Bangunan Ibu Pejabat.
- iv. Permohonan disertakan dengan dokumen sokongan sebagai bukti kegagalan membuat bayaran pada tempoh yang ditetapkan adalah disebabkan masalah teknikal di pihak Majlis.
- v. Dipertimbangkan berdasarkan justifikasi yang kukuh dan munasabah sahaja.

7. Sehubungan dengan ini, kerjasama Y.Bhg. Dato'/tuan/puan adalah dipohon untuk memastikan perkara ini **dimaklumkan kepada semua anggota di Jabatan/Bahagian/Unit** masing-masing **terutamanya anggota yang terlibat dengan pengurusan kaunter dan berurusan secara langsung dengan wargakota.**

8. Diharapkan dengan kerjasama dari semua anggota Majlis dapat membantu Majlis mengawal ketirisan hasil dan menjamin kedudukan kewangan Majlis yang kukuh kelak.

Sekian dimaklumkan, terima kasih.

**"INOVASI MEREALISASIKAN TRANSFORMASI"  
"CINTAILAH BANDARAYA IPOH"**

Saya yang menurut perintah,

**(DATO' HAJI ROSHIDI BIN HAJI HASHIM)**  
Datuk Bandar Ipoh



"INOVASI PEMACU TRANSFORMASI"